



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI VETERINAR DAN HARI BERTEMU PELANGGAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

21 APRIL 2026

DI ROYALE PALACE, CYBERJAYA

CYBERJAYA, 21 April - Sambutan Hari Veterinar dan Hari Bertemu Pelanggan Tahun 2026 (SHV2026) anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah diadakan pada 21 April 2026 bertempat di Royale Palace, Cyberjaya.

YBhg. Dato' Luqman bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah hadir merasmikan SHV2026 diiringi YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.

Bertemakan “**Veterinarians: Guardians of Food and Health**”, sambutan pada tahun ini menekankan peranan pentingnya profesion veterinar sebagai barisan hadapan dalam melindungi rantai bekalan makanan bagi memastikan keterjaminan serta kesihatan masyarakat secara menyeluruh.

Dalam landskap global yang semakin mencabar, termasuk krisis perang Timur Tengah yang memberi kesan kepada rantai bekalan makanan dunia, peranan sektor veterinar menjadi semakin kritikal. Perkembangan semasa dalam bekalan tenaga, logistik serta input pertanian seperti baja dan makanan ternakan telah

mendorong peningkatan kos pengeluaran makanan serta memerlukan penyesuaian dalam pengurusan rantai bekalan global. Keadaan ini secara tidak langsung menggalakkan negara-negara pengimport makanan, termasuk Malaysia, untuk terus memperkukuh keupayaan pengeluaran domestik.

Sehubungan itu, profesion veterinar memainkan peranan strategik dalam memastikan bekalan makanan negara sentiasa terjamin melalui pemantauan kesihatan ternakan, peningkatan produktiviti ladang, kawalan penyakit serta pelaksanaan amalan biosekuriti yang berkesan. Kepakaran warga veterinar dalam mengurus kesihatan haiwan dan sistem pengeluaran ternakan adalah kunci kepada peningkatan tahap sara diri negara serta pengurangan kebergantungan kepada import makanan.

Peranan ini merangkumi kawalan penyakit haiwan, pencegahan penyakit zoonotik, pemantauan keselamatan produk berasaskan haiwan, serta sokongan kepada pembangunan industri ternakan yang mampan.

Selain itu, warga veterinar turut berperanan penting menjadi tunjang dalam memelihara kebajikan haiwan serta menyokong pendekatan “**One Health**”, yang menghubungkan kesihatan haiwan, manusia dan alam sekitar secara holistik. Usaha ini amat penting dalam menghadapi ancaman penyakit berjangkit yang boleh memberi kesan kepada kesihatan awam dan ekonomi negara.

Tanggungjawab dan peranan DVS turut diselaraskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 dengan meletakkan sasaran kadar sara diri (SSR) contohnya seperti daging lembu/ kerbau sebanyak 50% pada tahun 2030. Selain daging lembu/ kerbau, di bawah DAN 2.0 juga, KPKM melalui DVS menyasarkan kadar SSR pengeluaran

hasilan ternakan daging ayam/ itik 140%, telur ayam/ itik 123%, susu segar 100% dan daging kambing/ bebiri sebanyak 30%.

Sempena dengan sambutan Hari Veterinar 2026, lima (5) kategori Anugerah Veterinawan Cemerlang telah turut disampaikan iaitu Anugerah Perkhidmatan Veterinar, Anugerah Pendidikan Veterinar, Anugerah Pembangunan Industri Ruminan, Anugerah Kebajikan Haiwan, dan Anugerah Pelajar Perubatan Veterinar

Selain sesi perkongsian ilmu dari penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang veterinar, sambutan Hari Veterinar 2026 turut dimeriahkan dengan forum berkisar tema sambutan di mana peranan veterinawan dibincangkan secara lanjut oleh empat (4) panel yang pakar dalam bidang masing-masing dengan kerjasama Malaysian Veterinary Medical Association (MAVMA)

KPKM menerusi DVS akan terus memainkan peranan strategik dalam memastikan bekalan makanan yang selamat, berkualiti dan mencukupi kepada rakyat disamping menjamin kestabilan sektor agromakanan negara.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
21 APRIL 2026**







TEKS UCAPAN ALUAN
YBHG DATUK DR MOHD NOOR HISHAM BIN MOHD HARON

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

'HARI VETERINAR TAHUN 2026'

ROYAL PALACE , LEVEL 10 SKYTECH TOWER, 2,
JALAN TEKNOKRAT 2, CYBER 4,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR

21 April 2026

SALUTASI

Rujuk Lampiran Salutati

Yang saya muliakan para Veterinawan dari Jabatan, agensi kerajaan, Institusi Pengajian tinggi dan dari pengamal-pengawal veterinar swasta.

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA, SALAM MALAYSIA MADANI, SALAM
VETERINAR KOMPETEN, MASYARAKAT SEJAHTERA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari ini sempena Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2026.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Dato' Luqman Bin Ahmad kerana sudi hadir bersama kita bagi menyempurnakan majlis pada hari ini. Kehadiran YBhg. Dato' amat besar ertinya sebagai

tanda sokongan berterusan Kementerian terhadap pembangunan sektor veterinar negara.

MENGHARGAI PROFESION VETERINAR

YBhg. Dato', YBrs. Dr.Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Pada hari ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) selaku pihak penganjur amat berbesar hati dapat mengadakan Sambutan Hari Veterinar Sedunia Tahun 2026, yang merupakan acara tahunan bagi menghargai jasa dan sumbangan para veterinawan di negara ini, seiring dengan sambutan yang diraikan di seluruh dunia. Sambutan Hari Veterinar Sedunia bukan sekadar acara tahunan, tetapi satu pengiktirafan kepada profesion yang banyak berjasa kepada negara. Di sebalik keterjaminan makanan, kawalan penyakit haiwan dan zoonosis, keselamatan produk haiwan dan kebajikan haiwan, berdiri teguh satu profesion yang sentiasa berada di barisan hadapan, sebagai benteng dan *sentinel* negara, melindungi kesihatan haiwan, keselamatan makanan serta kesejahteraan masyarakat, iaitu **profesion veterinar**.

4. Pada kebiasaannya, Hari Veterinar Sedunia diraikan pada hari Sabtu minggu ketiga dalam bulan April setiap

tahun sebagai tanda penghargaan terhadap jasa, dedikasi dan sumbangan para veterinar dalam pelbagai bidang. Sama ada dalam sektor awam, swasta, akademia, penyelidikan, industri, penguatkuasaan mahupun khidmat komuniti, peranan mereka amat besar kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

5. Mereka bukan sahaja memastikan makanan berasaskan haiwan adalah selamat dan berkualiti, malah berperanan mengawal penyakit zoonotik, menangani ancaman penyakit rentas sempadan, melindungi biosekuriti negara serta memelihara kesihatan dan kebajikan haiwan. Atas segala sumbangan inilah, profesion veterinar wajar terus dihormati, dihargai dan diperkasakan.

TEMA SAMBUTAN 2026

Hadirin sekalian.

6. Tema sambutan Hari Veterinar yang telah dipilih oleh World Veterinary Association (WVA) pada tahun ini ialah 'Veterinarians: Guardians of Food and Health'. Tema ini amat bertepatan dengan realiti semasa dunia yang semakin kompleks dan mencabar.

7. Hari ini, dunia berdepan dengan pelbagai ancaman seperti penularan penyakit, perubahan iklim, ketidaktentuan ekonomi, krisis geopolitik, gangguan rantai bekalan makanan serta isu rintangan antimikrob. Semua ini menuntut kesiapsiagaan, tindakan pantas dan keupayaan strategik perkhidmatan veterinar dalam menghadapi cabaran demi menjamin keselamatan makanan, kesihatan awam dan kesihatan haiwan.

8. Veterinawan berada di barisan hadapan dalam memastikan makanan berasaskan haiwan dihasilkan secara selamat, berkhasiat dan bertanggungjawab. Pada masa yang sama, mereka turut menyokong sistem pengeluaran makanan yang mampan, memperkukuh daya tahan negara serta menyumbang kepada keselamatan kesihatan global.

CABARAN MODAL INSAN NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian.

9. Antara cabaran paling besar yang sedang dihadapi sektor veterinar negara pada hari ini ialah isu modal

insan. Malaysia ketika ini hanya mempunyai kira-kira 2,600 orang pengamal veterinar yang aktif.

10. Jika dibandingkan dengan penanda aras antarabangsa, negara sebenarnya memerlukan sekurang-kurangnya **8,500** orang veterinawan bagi memenuhi keperluan semasa. Ini bermakna kita masih berdepan kekurangan lebih **5,900** tenaga profesional veterinar.

11. Nisbah semasa juga menunjukkan kita hanya mempunyai kira-kira seorang veterinawan bagi setiap **13,700** penduduk, sedangkan penanda aras antarabangsa mencadangkan nisbah seorang bagi setiap 5,000 penduduk. Statistik ini memberi isyarat jelas bahawa keperluan negara jauh mengatasi kapasiti sedia ada.

MEMBINA GENERASI VETERINAR MASA HADAPAN

12. Justeru, pembangunan modal insan veterinar perlu terus diberi perhatian bagi memastikan keperluan negara dapat dipenuhi dengan lebih berkesan pada masa hadapan. Ketika ini, dua institusi awam utama

yang menawarkan program Doktor Perubatan Veterinar ialah Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia Kelantan.

13. Walaupun menerima ribuan permohonan setiap tahun, UPM dan UMK hanya berupaya menghasilkan jumlah graduan sekitar 180 hingga 220 orang setahun. Ini belum mencukupi untuk menampung keperluan negara yang semakin berkembang.

14. Kita menyambut baik perkembangan baharu apabila Management & Science University (MSU) turut melancarkan program Doktor Veterinar pada Ogos 2025. Beberapa institusi lain juga mula menunjukkan minat dalam bidang ini. Langkah ini amat positif dan perlu terus disokong.

PERMINTAAN YANG SEMAKIN MENINGKAT

15. Dalam masa yang sama, permintaan terhadap perkhidmatan veterinar terus meningkat dengan pesat. Lebih separuh isi rumah di Malaysia kini memiliki haiwan peliharaan, namun negara hanya mempunyai sekitar 650 klinik veterinar berdaftar.

16. Sektor ternakan pula memerlukan pengawasan veterinar yang menyeluruh di setiap peringkat pengeluaran bagi memastikan pembangunan industri dilaksanakan secara mampan, efisien dan mematuhi standard yang ditetapkan.

17. Industri eksport juga bergantung kepada pensijilan veterinar dan pematuhan piawaian antarabangsa untuk menembusi pasaran global. Ini bermakna keperluan semakin besar, namun kapasiti semasa masih terbatas. Inilah cabaran yang perlu kita tangani bersama.

MEMPERKASA PERKHIDMATAN AWAM

18. Satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian ialah keperluan memperkukuh penyertaan veterinar dalam sektor awam. Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebagai Pihak Berkuasa Veterinar Kompeten Negara memikul tanggungjawab besar dalam aspek kesihatan haiwan, keselamatan makanan dan biosekuriti negara.

19. Namun, cabaran pengambilan pegawai baharu semakin ketara apabila ramai graduan memilih sektor swasta yang menawarkan ganjaran lebih tinggi serta insentif kerjaya yang lebih menarik. Perkara ini perlu

ditangani melalui pendekatan lebih strategik agar sektor awam terus kekal kompetitif dan relevan.

HARAPAN DAN HALA TUJU

20. Saya percaya dengan perancangan yang tepat, pelaburan berterusan dalam modal insan, penggunaan teknologi moden serta sokongan semua pihak, profesion veterinar negara akan terus diperkasa demi kepentingan industri, rakyat dan negara.

21. Kita juga amat mengharapkan amanat yang akan disampaikan oleh YBhg. Dato' TKSU (Pembangunan) KPKM sebentar lagi dapat menyuntik semangat baharu kepada seluruh warga veterinar untuk terus melangkah ke hadapan dengan lebih yakin dan cemerlang.

PENUTUP

22. Akhir kata, saya mewakili Jabatan Perkhidmatan Veterinar merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan sambutan ini. Saya berharap program pada hari ini menjadi medan perkongsian ilmu, pengukuhan jaringan

kerjasama dan pencetus semangat baharu kepada seluruh warga veterinar.

23. Sesungguhnya masa depan keterjaminan makanan, kesihatan haiwan dan kesejahteraan rakyat sangat bergantung kepada kekuatan perkhidmatan veterinar negara. Marilah kita bersama-sama terus memartabatkan profesion ini demi Malaysia yang lebih maju, selamat dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



TEKS UCAPAN PERASMIAN

OLEH :

**YBHG DATO' LUQMAN BIN AHMAD
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
MALAYSIA
SEMPENA
'HARI VETERINAR TAHUN 2026'**

**ROYAL PALACE , LEVEL 10 SKYTECH TOWER, 2,
JALAN TEKNOKRAT 2, CYBER 4,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR**

**21 April 2026
MAJLIS PERASMIAN**

.....
Assalamualaikum, salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

YBhg. Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron
Ketua Pengarah Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

YBrs Setiausaha-Setiausaha Bahagian KPKM

YBrs Pengarah-Pengarah Bahagian Jabatan

YBrs Pengarah-Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri

Yang saya muliakan Veterinawan-Veterinawan sama ada dari Jabatan, agensi kerajaan, Institusi Pengajian tinggi atau dari pengamal-pengawal veterinar swasta.

Datuk / Datin / tuan / puan yang saya hormati sekalian,

1. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar kerana menjemput saya untuk merasmikan sambutan **'Hari Veterinar Tahun 2026'**. Sesungguhnya program ini amat bermakna sekali bagi mengiktiraf sumbangan warga profesional veterinar kepada negara. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua hadirin yang turut hadir untuk bersama-sama memeriahkan lagi sambutan pada tahun ini.

2. Setiap profesion ada hari istimewa untuk diraikan. Ada

sambutan Hari Polis, ada sambutan hari Bomba, ada sambutan Hari Jururawat. Begitu juga dengan Hari Veterinar. Sebagaimana amalan kebiasaannya, Hari Veterinar diraikan di seluruh dunia pada hari Sabtu minggu ketiga dalam bulan April setiap tahun yang bertujuan untuk mengangkat dan menghargai sumbangan profesion veterinar di mata masyarakat. Pada hari ini kita mengambil kesempatan untuk bersama-sama menyambut hari yang bermakna ini agar semangat para veterinawan kepada negara berterusan.

3. Seperti yang kita sedia maklum, profesion Veterinar merupakan ikhtisas yang amat berbeza dengan profesion yang lain. Profesion veterinar perlu berdepan dengan banyak spesis haiwan sama ada spesis haiwan darat, laut atau udara yang mempunyai anatomi dan fisiologi yang berbeza. Jika manusia memerlukan rawatan doktor ketika sakit, haiwan juga tidak terkecuali. Haiwan turut memerlukan rawatan dan bantuan kesihatan di mana profesion veterinar perlu berdepan dengan pelbagai spesis dan pelbagai jenis haiwan. Secara asasnya, profesion veterinar bukan sesuatu yang mudah dan mana-mana orang yang terlibat di dalam bidang ini memerlukan minat dan *passion* kepada haiwan. Kepakaran ini lah yang menjadikan ianya berbeza dengan profesion yang lain yang mana tidak semua orang mampu untuk menjadikan veterinar sebagai kerjaya.

4. Apabila kita bercakap tentang veterinar, penumpuan bukan ditumpukan kepada kesihatan haiwan semata-mata tetapi juga mencakupi kesihatan awam serta pelbagai cabang lain seperti pembangunan industri ternakan dan penyelidikan yang turut disumbangkan oleh profesion veterinar.

5. Hari Veterinar Sedunia pada tahun ini disambut dengan tema '*Veterinarians: Guardians of Food and Health*', di peringkat global. Ini menunjukkan peranan perkhidmatan veterinar sangat penting dalam melindungi keselamatan makanan, kesihatan awam dan kesihatan haiwan di seluruh dunia. Tidak ramai yang menyedari bahawa, perkhidmatan veterinar bertanggungjawab dalam memastikan bekalan makanan adalah selamat, bersih, berkualiti dan suci diseluruh rangkaian pengeluaran "from farm to table". Ianya telah dilaksanakan oleh petugas barisan hadapan yang berganding bahu antara pihak kerajaan serta swasta, iaitu para veterinawan dan paravet yang kita raikan pada hari ini.

6. Aspek Keterjaminan Makanan (Food Security) telah menjadi satu ukuran bagi ketersediaan dan keupayaan mendapatkan makanan yang diperlukan dalam kalangan masyarakat bagi sesebuah negara. Makanan merupakan keperluan asas kepada semua manusia, yang mana tanpa makanan, kestabilan dan kemajuan negara akan sukar didapati.

7. Sebagai keperluan asas yang perlu diberi perhatian dalam memastikan berlaku proses pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara agar ia kekal progresif dan berdaya saing, Malaysia perlu lebih serius dalam menyatakan sistem makanan negara perlu diperkukuh supaya ianya lebih berdaya tahan dan lebih mampan. Ini termasuklah pelbagai usaha dalam meningkatkan prestasi rangkaian di semua aktiviti yang berkaitan faktor pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, penyediaan termasuklah keselamatan makanan.

8. Sektor agromakanan yang berada di bawah tanggungjawab KPKM memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara. Namun, risiko dan cabaran di peringkat global dan domestik seperti pertambahan populasi, pemanasan global dan persaingan guna tanah perlu ditangani untuk memastikan kemampanan sektor ini. Justeru itu perkhidmatan veterinar perlu sedaya upaya memenuhi kehendak rakyat dalam menyampaikan perkhidmatan berkaitan dengan penternakan dan pengawasan kawalan keselamatan mutu pengeluaran bekalan makanan.

9. Dari aspek keterjaminan makanan, perkhidmatan veterinar mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan negara mampu mengeluarkan daging, susu, telur dan ayam untuk menampung keperluan negara, terutamanya apabila diukur daripada segi pencapaian Kadar Sara Diri (SSR) bagi produk daging lembu/kerbau, daging kambing/ bebiri, daging ayam/ itik, telur ayam/ itik dan susu segar.

10. Begitu juga dengan sumbangan daripada pengamal veterinar swasta. Ramai pengamal veterinar terlibat di dalam industri ternakan, pengeluaran produk berasaskan ternakan dan industri haiwan kesayangan. Pihak kerajaan amat menghargai sumbangan daripada veterinawan-veterinawan ini yang telah memainkan peranan penting dalam membangunkan industri ternakan dan haiwan di negara ini.

11. Seiring dengan perkembangan industri ternakan di peringkat global, menjadi seorang veterinawan pada hari ini bukan suatu yang mudah. Banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh semua veterinawan di seluruh dunia. Di dalam pengeluaran ternakan misalnya, veterinawan berperanan untuk memastikan ternakan di

peringkat ladang bebas penyakit, peningkatan pengeluaran dan mematuhi piawaian yang ditetapkan mengikut piawaian persijilan antarabangsa seterusnya boleh bersaing untuk pasaran antarabangsa. Tanggungjawab besar perlu ditanggung oleh para veterinar untuk memastikan negara kita juga mampu untuk bersaing seperti negara-negara pengeluar ternakan yang lain.

12. Kebanyakan negara-negara maju seperti di Eropah dan Amerika Syarikat, telah mewujudkan standard berkaitan veterinar. Ladang-ladang ternakan diuruskan mengikut piawaian, di mana negara ini menikmati peningkatan ekonomi hasil daripada pengeksportan ke seluruh dunia. Ini yang dinamakan faedah mengapa pentingnya piawaian berkaitan haiwan atau veterinar ini.

13. Walaupun pada hakikatnya, pengeluaran ternakan dan industri melibatkan haiwan di negara ini masih belum mencapai tahap eksport secara besar-besaran ke luar negara, tetapi usaha untuk memperluaskan pasaran perlu ditingkatkan. Selain daripada tumpuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil ternakan, kita juga perlu memberi tumpuan kepada kualiti pengeluaran. Penekanan kepada amalan perladangan yang baik perlu diberi perhatian oleh penternak dalam usaha untuk mendapatkan pengiktirafan melalui Skim Pensijilan Veterinar seperti myGAP, myOrganic dan juga VHM (*Veterinary Health Mark*) di peringkat pemprosesan. Persijilan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini adalah sebagai pengesahan yang mana pengeluaran ternakan dan hasil ternakan adalah mengikut piawaian kualiti dari segi kebersihan, keselamatan dan kebajikan haiwan. Peningkatan kuantiti dan kualiti hasil ternakan ini akhirnya membolehkan KDNK di dalam sektor ternakan

meningkat sama seperti sektor-sektor perkhidmatan dan pembuatan di negara ini.

14. Kementerian akan terus menyokong penuh setiap inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan oleh DVS dalam memperkasakan industri ruminan dan unggas negara melalui inisiatif-inisiatif yang sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0.

15. Selari dengan dasar yang telah ditetapkan ini juga, saya menyeru supaya semua veterinawan yang terlibat di dalam industri ternakan dan pengeluaran makanan ini sama ada pihak kerajaan mahupun swasta, bersama-sama berganding bahu sebagai pasukan untuk mencapai objektif yang disasarkan oleh negara ini bagi mencapai mutu dan keselamatan makanan berasaskan ternakan ini.

Dato' / Datin / tuan / puan yang saya hormati sekalian,

16. Dalam kita membincangkan peranan dan penglibatan veterinawan di dalam industri ternakan, sumbangan veterinawan di dalam industri haiwan kesayangan tidak pernah dilupakan. Seperti yang kita sedia maklum, industri haiwan kesayangan sedang berkembang di negara ini. Banyak klinik haiwan kesayangan dan kedai haiwan kesayangan tumbuh bagai cendawan di seluruh negara. Para graduan veterinar yang telah menamatkan pengajian, tidak lagi memberi tumpuan untuk bekerja di sektor awam. Kebanyakan mereka ini mencari peluang untuk bekerja di sektor klinik haiwan kesayangan yang menawarkan peluang gaji yang lebih besar.

16. Kita perlu melihat perkara ini pada sudut yang lebih positif. Ke mana arah tuju graduan-graduan ini memilih itu tidak penting. Yang

lebih penting adalah sumbangan mereka kepada negara. Secara umumnya, apabila sektor haiwan kesayangan berkembang dengan pesat, ini merupakan satu tanda yang menunjukkan negara kita sedang menuju menjadi ke arah negara maju. Haiwan kesayangan seperti anjing dan kucing diberi perhatian oleh pemilik haiwan dan diberi rawatan oleh para veterinawan demi menjaga kebajikan haiwan-haiwan ini.

17. Perkembangan ini merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan dan boleh meningkatkan imej negara di peringkat antarabangsa kerana Malaysia menunjukkan keprihatinan dan ihsan kepada haiwan.

18. Selain daripada sumbangan veterinawan kepada pembangunan industri ternakan dan dalam perkhidmatan kesihatan klinik haiwan kesayangan, bidang penyelidikan tidak dilupakan. Penyelidikan di dalam bidang veterinar juga penting bagi mencari kaedah baharu terutama dalam membangunkan peningkatan pengeluaran ternakan yang lebih berkualiti dan kaedah diagnosis penyakit ternakan yang lebih efisien. Ikhtisas veterinar dalam melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) seharusnya juga perlu diberi perhatian bagi memastikan hasil penemuan penyelidikan di dalam bidang veterinar setanding dengan journal yang dikeluarkan di peringkat antarabangsa.

Dato' / Datin / tuan / puan yang saya hormati sekalian,

19. Selari dengan konsep Negara MADANI, saya melihat penglibatan semua pihak di dalam program hari ini amat bermakna sekali. Pada hari ini saya melihat semua pihak dilibatkan. Ada yang

datang dari Jabatan dan agensi kerajaan, Institusi pengajian tinggi, industri, para pengamal klinik veterinar, Persatuan-persatuan dan NGO. Kesepatakan yang holistik inilah yang amat diharapkan bagi menyampaikan mesej penting kepada semua pihak dengan tujuan mencapai objektif yang dirancang oleh kerajaan. Pada hari ini program yang dirancang amat bermakna sekali iaitu untuk menghargai sumbangan para veterinawan di seluruh negara.

20. Saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama dengan semua pihak dalam majlis seperti ini dan harapan saya adalah semoga majlis seperti ini dapat memberi peluang kepada semua para veterinawan sama ada dari jabatan kerajaan mahupun swasta untuk sama-sama berganding bahu membantu kerajaan khususnya KPKM ini untuk mencapai hasrat membangunkan industri ternakan dan meningkatkan mutu kesihatan haiwan.

21. Sambutan Hari Veterinar Sedunia pada hari ini adalah amat bermakna untuk meraikan para veterinarwan negara yang telah berjasa membangunkan dan menyumbang kepada kesejahteraan negara. Anda semua adalah merupakan aset yang tidak ternilai. Sekalung ucapan tahniah saya ucapkan kepada DVS diatas penganjuran sambutan yang amat meriah pada hari ini. Maka, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan sambutan Hari Veterinar Sedunia Tahun 2026.

22. Sekian, saya sudahi dengan Walbillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih